

# SABAH STATE ATTORNEY-GENERAL'S

INSIGHT



## BENKEL PENYEDIAAN PERANCANGAN PELAN STRATEGIK JABATAN PEGUAM BESAR NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2021 - 2025

TARIKH : 28 OGOS 2020 HINGGA  
30 OGOS 2020



## HALA TUJU JABATAN

**KOTA KINABALU** - Penyediaan Perancangan Pelan Strategik Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah bagi tempoh 2021 hingga 2025 merupakan salah satu matlamat bagi menentukan hala tuju jabatan ini bagi tempoh lima (5) tahun.

Sebagai badan perundangan utama bagi Kerajaan Negeri Sabah, penetapan misi hendaklah diselaraskan dengan Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri yang lain. Setiap Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Sabah perlu menetapkan misi bagi membolehkan pelaksanaan tugas-tugas dan menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan dilaksanakan dengan penuh dedikasi sepertimana yang ditetapkan oleh misi mereka.

Bengkel ini diadakan pada 28 Ogos hingga 30 Ogos 2020 selama tiga (3) hari dua (2) malam bagi membincangkan penyediaan pelan strategik dan penetapan hala tuju jabatan. Bengkel ini dipengerusikan oleh Datuk Nor Asiah Binti Mohd Yusof, Peguam Besar Negeri Sabah dan merupakan bengkel penyediaan yang pertama kali dilaksanakan oleh jabatan ini.